



## **TEKS UCAPAN**

**TUAN SHAHMAN BIN JALALUDIN  
YANG DIPERTUA,  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI  
MAJLIS PERHIMPUNAN BULAN JUN  
PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN  
TAHUN 2024**

**26 JUN 2024 | RABU**

**8.30 PAGI | LOBI MENARA MPS**

Terima kasih, saudara dan saudari pengacara majlis.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera,

Salam Malaysia MADANI dan Salam Kita Selangor.

**Yang Berusaha Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi**

Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Dihormatkan Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr) Hj Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh**

Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

**Yang Berusaha Tuan Haji Az'har bin Samsuri**

Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,**

Majlis Perbandaran Selayang

Pengarah-pengarah Jabatan, pegawai-pegawai, tuan-tuan dan puan-puan warga MPS yang dikasihi sekalian.

1. Alhamdulillah marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T atas segala nikmat dan rahmat yang telah dikurniakan kepada kita. Kerana dengan keizinan dan kurnia-Nya, kita diberi peluang dan kesempatan untuk berkumpul bersama pagi ini pada **Majlis Perhimpunan Bulan Jun Peringkat Majlis Perbandaran Selayang Tahun 2024**.
2. Pertama sekali saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada **Jabatan Perundangan** atas penganjuran majlis pada pagi ini yang membuktikan komitmen dan semangat kerjasama yang tinggi antara warga MPS.
3. Seperi semua sedia maklum, saya telah melapor diri di MPS pada 4 Jun 2024 yang lalu. Terima kasih saya ucapkan kepada semua terutama kepada barisan para pengarah dan pegawai atas sambutan yang diberikan pada hari tersebut.
4. Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan dan khidmat bakti kepada YBhg Dato' Mohd Yazid bin Sairi, mantan Yang Dipertua MPS sebelum dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pengurusan) bermula 1 Mac 2024 yang lalu.

5. Terima kasih juga diucapkan kepada Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, yang telah memangku tugas Yang Dipertua sepanjang tempoh jawatan ini tidak diisi.

**YDH Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

6. Jawatan sebagai Yang Dipertua ini adalah satu **amanah dan tanggungjawab** yang besar untuk saya jalankan. Sebagai YDP MPS adalah menjadi tanggungjawab saya untuk memastikan semua jabatan dan kakitangan berfungsi dengan **baik dan lancar** serta memastikan **kualiti penyampaian perkhidmatan** kepada rakyat sentiasa berada di tahap yang terbaik. Pada masa yang sama, **kebijikan** seluruh warga MPS juga perlu diberi perhatian.
7. Sehubungan itu, **sokongan dan kerjasama** pengarah-pengarah jabatan dan seluruh warga MPS adalah amat saya perlukan dalam membentuk perancangan pembangunan dan peningkatan hasil MPS.

8. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Majlis yang memberi **sokongan dan membantu MPS** sebagai perantara antara masyarakat dan MPS dalam penyaluran maklumat sekaligus membantu untuk menyelesaikan isu-isu yang dibangkitkan oleh rakyat.

**YDH Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

9. Seperti semua sedia maklum, YAB Perdana Menteri telah menetapkan iltizam Kerajaan untuk melaksanakan ‘**islah**’ dalam perkhidmatan awam terutamanya berkaitan elemen tatakelola dan integriti. Islah ini bermaksud “**penambahbaikan**” atau peningkatan kualiti ke arah kebaikan yang perlu diterapkan oleh setiap penjawat awam bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.
10. Peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan awam ini telah dipanjangkan melalui surat yang ditandatangani oleh **Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia bertarikh 18 April 2024**. Melalui surat tersebut, peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan yang berintegriti ini merangkumi **Pengurusan Waktu Bekerja Yang Berintegriti, Pengurusan Kaunter Yang Berkualiti Dan Peka Pelanggan dan Penyampaian Perkhidmatan Yang Berpaksikan Rakyat (Citizen Centric)**.

11. Pengurusan waktu bekerja yang berintegriti bermaksud adalah menjadi tanggungjawab utama setiap penjawat awam adalah untuk **hadir bertugas** bagi apa-apa juga tempoh masa, pada masa dan ditempat penjawat awam ini dikehendaki hadir bagi melaksanakan tugas-tugasnya.
12. Pengurusan kaunter yang berkualiti dan peka pelanggan pula bermaksud penyampaian perkhidmatan kaunter perlu dipertingkatkan melalui **sumber manusia yang cekap dan kompeten** dan disokong okeh **penggunaan teknologi terkini** berdasarkan digital.
13. Manakala bagi Penyampaian Perkhidmatan Yang Berpaksikan Rakyat (*Citizen Centric*) pula bermaksud penjawat awam haruslah bersifat **memudah cara, berfikiran realistik, mempunyai empati dan proaktif** dalam setiap tindakan yang diambil untuk menyelesaikan masalah rakyat. Sekiranya diamalkan, insyaAllah saya percaya ia akan **meningkatkan nilai tambah** kepada hasil kerja kita serta meningkatkan kepercayaan rakyat kepada perkhidmatan MPS.
14. Bagi melaksanakan perubahan ini **3 prinsip utama** yang harus kita pegang dan amalkan bersama iaitu *Facilitate, Accommodate dan Accelerate*.

15. Facilitate bermaksud **memudahkan urusan pelanggan**. Accommodate bermaksud **menyesuaikan cara kerja** selari dengan perubahan semasa dan Accelerate bermaksud **menyegerakan segala tugas** yang telah diamanahkan.
16. Adalah menjadi harapan saya agar kita semua dapat menerapkan 3 prinsip utama ini didalam **budaya kerja seharian** kita dan seterusnya dapat **meningkatkan tahap kualiti (standard) perkhidmatan** kita kepada rakyat.

**YDH Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

17. Menyentuh tentang integriti, Kerajaan komited memastikan **tatakelola terbaik** dilaksanakan oleh semua peringkat agensi Kerajaan serta memastikan rasuah dan korupsi dibanteras habis-habisan seiring matlamat Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) 2024 - 2028.
18. Selaras dengan matlamat ini, MPS melalui Unit Integriti giat berusaha melaksanakan pembanterasan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan culas kerja dengan melaksanakan **program-program pengukuhan integriti dan tatakelola yang baik**.

19. Untuk makluman semua, pada November 2023 pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah memaklumkan bahawa Status Penarafan Semula Risiko Tahun 2023 MPS dikategorikan sebagai **risiko SEDERHANA** dimana sebelum ini MPS telah ditarafkan sebagai risiko **TINGGI**. Walaupun ini merupakan satu pencapaian yang membanggakan namun saya percaya kita mampu menurunkan tahap risiko ini kepada **RENDAH** dengan kerjasama semua pihak termasuk SPRM.

**YDH Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

#### **AUDIT DALAM EKSA BIL. 1/2024**

20. Pengauditan EKSA Bil. 1/2024 telah dilaksanakan pada 5 Jun hingga 13 Jun 2024. Sebanyak 11 zon terlibat dengan pengauditan ini. Sehubungan dengan itu, **tahniah pada seluruh warga kerja MPS** yang telah berjaya menjadikan EKSA sebagai satu amalan yang berterusan bagi memastikan pensijilan EKSA dan mengekalkan kategori cemerlang sebagaimana sijil yang telah diperolehi pada tahun 2022.

21. Secara keseluruhannya, MPS masih kekal dan berjaya mengamalkan EKSA dan mematuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Namun begitu, beberapa **penambahbaikan segera** perlu dilaksanakan oleh beberapa jabatan bagi memastikan persediaan pada tahap terbaik semasa audit pensijilan semula yang dijadualkan pada 29-31 Julai 2024.

## **AKTIVITI IBADAH KORBAN**

22. Bersempena bulan Zulhijah yang mulia ini, satu Program Ibadah Korban 1445H/2024M anjuran Kelab Sukan Dan Kebajikan MPS pada 19 Jun 2024 (Rabu) di Kuarters Kakitangan (Mas Merah) Bandar Baru Selayang. Saya mengucapkan **terima kasih atas kerjasama seluruh warga MPS** yang telah menjayakan program tersebut. Semoga program ini dapat diteruskan pada masa akan datang dan **mengeratkan lagi ukhwah** dikalangan warga MPS.

## **SUMBANGAN DERMASISWA**

23. Hari ini juga akan di adakan Sumbangan Dermasiswa daripada ANULAE Cawangan MPS dan Ibu Pejabat ANULAE Semenanjung Malaysia untuk anak-anak kakitangan MPS yang cemerlang di dalam peperiksaan SPM 2023. Tahniah di atas keputusan cemerlang yang diperolehi dan semoga anak-

anak ini akan menjadi pemangkin yang berwibawa dan berjaya dalam apa jua bidang yang di ceburi di masa akan datang.

## PENUTUP

### KERJASAMA DAN SEMANGAT BERPASUKAN

24. Akhir kata marilah kita bersama-sama **bekerjasama sebagai satu pasukan** dalam menjadikan MPS sebagai sebuah organisasi yang barjaya, dihormati dan dipandang tinggi. Jangan kekal selesa pada tahap yang sama, jangan takut untuk berubah sebaliknya sentiasa perbaiki kelemahan diri dan tambah baik hasil kerja kita. Pastikan setiap hasil kerja kita sentiasa berada pada tahap (standard) yang tertinggi.

25. Bekerjalah dengan penuh integriti, bekerjalah dengan iklhas, jujur dan amanah. InsyaAllah walau apapun halangan, walau apapun rintangan, walau apapun cabaran kita akan lalui bersama-sama.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah wassala mualaikum warrahmatullahi wabarakatuh....

Sekian, terima kasih.